

**SYARAT KELAYAKAN BANTUAN KEWANGAN TAHUN 2022 BAGI SYARIKAT
PENGENDALIAN PELANCONGAN (TOBTAB) DAN SYARIKAT MALAYSIA
MYSECOND HOME (MM2H) YANG BERLESEN DI BAWAH MOTAC**

1. Hanya syarikat perniagaan pengendalian pelancongan dan perniagaan agensi pengembaraan (TOBTAB) dan Syarikat MM2H yang **berlesen dengan MOTAC sahaja yang layak menerima bantuan kewangan ini.**
2. Syarikat induk hendaklah mengemukakan permohonan baharu termasuk cawangan (jika berkenaan) secara serentak.
3. Bantuan kewangan ini hanya dibenarkan kepada 1 syarikat induk dan 2 lesen cawangan sahaja (jika berkenaan).
4. Pejabat MOTAC Negeri dipertanggungjawabkan untuk menyelaraskan dan mempertimbangkan kelulusan permohonan baharu Bantuan Kewangan Tahun 2022 serta memurnikan butiran maklumat Syarikat TOBTAB dan MM2H yang berlesen di negeri masing-masing.
5. Pejabat MOTAC Negeri juga sebagai pusat pengumpulan data dan penyampaian maklumat serta maklumbalas kepada pertanyaan daripada Syarikat TOBTAB dan MM2H berlesen mahupun orang ramai.
6. Syarikat TOBTAB dan MM2H hanya boleh mengemukakan sekali sahaja permohonan.
7. **Hanya pemegang lesen yang masih sah berkuatkuasa dengan MOTAC semasa permohonan dibuat layak dipertimbangkan bantuan kewangan ini.**
8. Lesen induk dan cawangan (jika berkenaan) syarikat TOBTAB dan MM2H yang telah **tamat tempoh sah laku pada/selepas 1 Januari 2021 dan telah mengemukakan permohonan pembaharuan lesen yang LENGKAP berserta dengan bayaran fi proses sebelum/pada 28 Februari 2022** berdasarkan Garis Panduan Pembaharuan Lesen sedia ada **layak menerima bantuan kewangan ini.**
9. Lesen induk dan cawangan (jika berkenaan) TOBTAB dan MM2H yang **telah tamat tempoh sah laku sebelum/ pada 31 Disember 2020 tidak layak dipertimbangkan untuk menerima bantuan kewangan ini.**
10. Mana-mana Syarikat TOBTAB dan MM2H yang mempunyai kompaun tertunggak yang dikeluarkan oleh MOTAC di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482]

atau Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 [Akta 594] layak untuk dipertimbangkan bantuan kewangan ini.

11. Syarikat TOBTAB dan MM2H yang layak perlu mengemukakan Borang Permohonan Bantuan Kewangan Tahun 2022 **secara dalam talian** (<https://www.motac.gov.my/BantuanTobtabMm2h>).

12. Tarikh tutup permohonan ditetapkan pada **15 Mac 2022** dan sebarang permohonan yang dikemukakan selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

